

# Mahu makan atau minyak?

## Dilema sedunia apabila makanan dijadikan bahan bakar bio

AIDA AZURA AZEMI

S-4 1617105 M1516

mulut keluarga.

Bagaimana krisis makanan boleh berlaku? Segala-galanya bertitik tolak daripada keperluan mendadak dunia terhadap bijirin, daging dan bahan bakar bio sedangkan bidang pertanian tidak terlalu rancak hingga mampu memenuhi permintaan.


Kegemaran terhadap produk tenusu dan menu daging di

Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah bagi kegunaan enjin kenderaan, alat pemanas dan sumber gas memasak.

Ini disahkan oleh laporan kajian oleh Bank Dunia yang dibentangkan pada Julai 2008.

Namun begitu pun rakyat di negara-negara besar ini tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya kerana permintaan terhadap bahan bakar bio berakar umbi daripada niat murni ingin memelihara alam. Ini kerana berbeza dengan minyak yang terhasil daripada mendakan fosil yang digunakan selama ini, bahan bakar bio menghasilkan tenaga tanpa pembebasan tinggi karbon yang mengundang masalah pencemaran udara dan efek rumah kaca.

Apa yang mereka tidak sedar, untuk menghasilkan



● Berbaloikah usaha memulihara alam menggunakan bahan bakar bio jika kesannya meragut nyawa manusia?

menyumbang kepada ekonomi negara tersebut dilaporkan turut terjejas

diperkemas ialah kajian menggunakan sumber daripada sisa pertanian dan



kepada peningkatan harga secara mendadak.

Memeritkan keadaan, cuaca santerto dunia mengalami perubahan drastik sekali gus mempengaruhi bidang pertanian. Kesan diterima individu berbeza-beza. Golongan kaya mungkin boleh mengamalkan sedikit langkah berjimat cermat dengan mengurangkan jumlah pembelian lain dan melebihi bajet kepada makanan yang kian naik harga atau menukarkan produk yang biasa diambil kepada jenama yang lebih murah.

Namun di negara miskin, rakyatnya lebih terasa apabila sebahagian besar pendapatan terpaksa disalurkan untuk menyuap



negara-negara yang sedang mengalami pembangunan ekonomi dinamakan sebagai salah satu punca yang mencetuskan masalah ini.

Namun alasan paling munasabah yang kian dibincangkan seluruh dunia adalah permintaan terhadap bahan bakar bio yang mencanak oleh

bahan bakar bio bukan sedikit tanaman seperti tebu, jagung dan sayur-sayuran yang sepatutnya dijadikan makanan harus dikorbankan. Dan masalah terus memuncak apabila pemilik tanah pertanian yang selama ini menanam tanaman kontan termasuk bagi tujuan eksport mulai beralih kepada jagung kerana mengejar keuntungan.

Di Brazil, berlaku rusuhan apabila jagung yang menjadi bahan penting dalam roti pipih tortilla yang merupakan hidangan utama rakyat negara itu, menjadi mahal gara-gara pengeluaran disalurkan ke AS bagi menghasilkan bahan bakar bio.

Pengeluaran bir Heineken yang

adalah ladang-ladang baru ditukarkan menjadi ladang jagung.

Pakar bebas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Jean Ziegler, menyifatkan krisis makanan yang berpunca daripada bahan bakar bio sebagai jenayah kemanusiaan.

Bayangkan, di saat segelintir golongan hanya terkesan dengan kenaikan harga makanan, berjuta-juta nyawa di Afrika diancam kebuluran kerana negara mereka tidak mampu mengeksport makanan dalam kuantiti yang berpadanan.

Faktanya, di sebalik kesengsaraan dan kematian kanak-kanak di sini; kira-kira 23 gram jagung yang menghasilkan cuma 13 gelen etanol bagi penghasilan bahan bakar bio boleh dijadikan bekalan makanan kanak-kanak ini selama setahun!

Justeru Ziegler menyarankan agar dilaksanakan moratorium atau pembekuan penggunaan bahan bakar bio selama lima tahun. Tempoh berkenaan dijangkakan cukup untuk diisi dengan kajian pesat bagi mencari alternatif menggantikan sumber makanan sebagai penghasilan bahan bakar mesra alam ini.

Antara penyelesaian yang boleh

tanaman yang tidak digunakan sebagai makanan manusia. Antaranya batang atau tangkai gandum dan jagung selain kayu-kayuan dan najis haiwan.

Tidak boleh tidak, kesinambungan bahan bakar bio sesuatu yang harus dipastikan. Selain demi kepentingan alam, kita juga harus akur

bahawa

bahan bakar daripada fosil yang selama ini menjadi khazanah tidak ternilai buat sebilangan negara, Malaysia antaranya pasti susut satu hari nanti.

Justeru di negara kita, usaha untuk menghasilkan dan memasarkan bahan bakar bio kepada dunia harus dipuji. Antara yang dijalankan ialah projek penanaman pokok jarak dan implementasi kelapa sawit yang terus menjalani kajian menyeluruh dari masa ke semasa.

Cuma dalam pada kita ghairah untuk turut serta, perancangan teliti harus dibuat kerana jika dunia boleh mengalami krisis makanan ekoran bahan bakar bio, tidak mustahil jika rakyat kita turut terkena tempias kekurangan bekalan minyak masak atau sabun gara-gara kebanyakan hasil kelapa sawit terarah kepada



● Jagung dan tebu, tanaman yang digunakan bagi menghasilkan bahan bakar mesra alam.